



MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

PRESS RELEASE

SOCIALIZATION PROGRAMME FOR PBD 32:2017 – TOURISM SERVICES STANDARD: PUBLIC TOILET

Date: 30 November 2022

1. Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) melalui Pusat Standard Kebangsaan (PSK), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (MPRT), telah mengadakan program sosialisasi sesi kedua bagi PBD 32:2017 iaitu Tourism Services Standard: Public Toilet pada 30 November 2022 di Kompleks Kemasyarakatan Tutong, Daerah Tutong.

2. Objektif utama sesi sosialisasi adalah untuk memperkenalkan Piawai Brunei Darussalam iaitu PBD 32:2017 – Tourism Services Standard: Public Toilet yang mana menyediakan garis panduan asas dalam memastikan kebersihan tandas awam. Piawai ini terhasil dari ASEAN Public Toilet Standard yang memfokuskan kepada empat kriteria iaitu Reka Bentuk & Sistem Pengurusan Alam Sekitar, Peralatan & Kemudahan, Kebersihan dan Keselamatan.

3. Program pemberitaan berkenaan dimulakan dengan penyampaian ucapan alu-aluan daripada Yang Mulia Dayang Emmilia Watiqah binti Abdullah Jemming, Pemangku Timbalan Pengarah Pelancongan, selaku Penolong Pengerusi Komiti Standard Pelancongan, yang mana, beliau menekankan akan kepentingan PBD 32:2017 dengan harapan untuk memberikan kesedaran akan kepentingan kebersihan tandas awam selaras dengan Hari Tandas Sedunia yang diraikan setiap 19 November dan secara tidak langsung akan menyokong industri pelancongan yang mampan dari segi keselesaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam (NBD). Beliau juga berharap kerjasama daripada pihak PSK akan berterusan dalam membantu Komiti Standard dan Teknikal dalam membangunkan standard-standard yang diperlukan bagi memenuhi keperluan industri.

4. Turut menghadiri acara tersebut adalah Yang Mulia Dayang Hajah Sharni Azne binti Haji Mohd Said, Pemangku Pegawai Tugas – Tugas Khas Tingkat I selaku perwakilan dari PSK beserta pegawai-pegawai kanan dari pihak kerajaan. Acara antara lainnya memberikan penerangan mengenai dengan proses pembangunan standard serta peraturan-peraturan teknikal dan kesihatan yang perlu dipatuhi. Penerangan juga disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Abdul Shahid bin Pengiran Haji Amir Bahar, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, PSK; Yang Mulia Awang Affandi bin Hj Alias, Pegawai Pelancongan selaku ahli kepada Komiti Teknikal Perkhidmatan Pelancongan yang mana juga menyentuh akan inisiatif baru yang diperkenalkan iaitu sistem maklum balas kebersihan tandas-tandas melalui kaedah imbasan kod QR dalam memudahkan pemantauan; dan Yang Mulia Dayang Elwina binti Danstan, Pegawai Kesihatan

Awam, Pejabat Kesihatan Daerah Tutong, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar. Acara dihadiri oleh 63 peserta dari pelbagai sektor kerajaan dan swasta dari daerah Tutong dan Kuala Belait, diantaranya dari Kementerian Kesihatan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) / Majlis Perundingan Mukim (MPM), Restoran, Pusat Membeli-Belah dan premis-premis lain yang dipantau oleh Jabatan Pelancongan.

5. Acara berkenaan diakhiri dengan penjualan PBD 32:2017.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**



MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

PRESS RELEASE

SOCIALIZATION PROGRAMME FOR PBD 32:2017 – TOURISM SERVICES STANDARD: PUBLIC TOILET

Date: 30 November 2022

1. The Ministry of Finance and Economy (MOFE) through National Standard Centre (NSC), Industry & Business Ecosystem Division (IBE) in collaboration with the Tourism Development Department, Ministry of Primary Resources and Tourism (MPRT) conducted a second socialization for PBD 32:2017 Tourism Services Standard – Public Toilet at the Tutong Community Complex, Tutong District on 30 November 2022.

2. The objective of the socialization was to introduce the Piawai Brunei Darussalam under PBD 32:2017 – Tourism Services Standard: Public Toilet, which provides basic guidelines and to ensure cleanliness of public toilets. This standard is a reference from the ASEAN Public Toilet Standard that focuses on four main criteria, namely Design & Environmental Management System, Amenities & Facilities, Cleanliness and Safety.

3. The socialization began with a welcoming speech from Yang Mulia Dayang Emmilia Watiqah binti Abdullah Jemming, Acting Deputy Director of Tourism Department, cum Deputy Chairman of the Standard Committee on Tourism. In her remarks, she emphasized the importance of PBD 32:2017 with the aim to create and provide an awareness of the importance of cleanliness of public toilets which is also in accordance with the World Toilet Day celebrated every 19 November, this indirectly helps support a sustainable tourist industry within Brunei Darussalam, particularly in terms of providing comfort for our tourists. Moreover, she hoped that NSC would continue with its effort of assisting technical committees to develop standards which are in line with international standards, in order to meet the needs of each particular industry.

4. Also, in attendance was Yang Mulia Dayang Hajah Sharni Azne binti Haji Mohd Said, Acting Special Duties Officer I, representative from the NSC and other senior government officials. The session also shared the roles and development process of standards and its benefits to the industries, as well as touching upon the technical and health aspects of the PBD. These insights were delivered by Yang Mulia Pengiran Abdul Shahid bin Pengiran Haji Amir Bahar, Special Duties Officer II of NSC, Yang Mulia Awang Affandi bin Hj Alias, Tourism Officer in his capacity as a member of the Technical Committee Tourism Services Standards who also touched upon a new initiative that have been introduced which is a feedback system using QR code to the cleanliness of public toilets which will ease monitoring; and Yang Mulia Dayang Elwina binti Danstan, Public Health Officer, Tutong District Health Office, Department of Environmental Health Services. It was attended by about 63 participants from stakeholders of various government and

private agencies namely Ministry of Health, Majlis Perundingan Kampong (MPK) / Majlis Perundingan Mukim (MPM) and owners and representatives from business premises in Brunei Darussalam.

5. The socialization concluded with the selling of the PBD 32:2017.

**Ministry of Finance and Economy
Negara Brunei Darussalam**